8.2 Baju Korporat Untuk Kegunaan Pelajar (Majlis Perwakilan Kolej/Persatuan/Kelab)

Penyeragaman dan pematuhan terhadap reka bentuk serta warna baju korporat Universiti merupakan usaha penting dalam memperkukuh identiti korporat UPM. Pelaksanaan ini akan memberikan impak positif terhadap keterlihatan identiti Universiti, seterusnya menjadikan imej serta identiti rasmi UPM lebih mudah dikenali dan diingati oleh masyarakat. Penggunaan warna dan reka bentuk yang konsisten juga berupaya meningkatkan pengiktirafan terhadap jenama Universiti. Dari perspektif dalaman, pemakaian baju korporat yang seragam mencerminkan semangat kebersamaan, kesepaduan serta rasa kekitaan dalam kalangan warga UPM yang disatukan melalui identiti korporat Universiti.

Para pelajar hendaklah mematuhi reka bentuk baju korporat yang telah diluluskan oleh Universiti. Penggunaan reka bentuk selain yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan bagi memastikan imej dan identiti korporat UPM kekal seragam, profesional serta terpelihara. Mana-mana baju yang tidak mematuhi ketetapan ini tidak diiktiraf sebagai baju korporat Universiti dan sewajarnya tidak digunakan dalam majlis rasmi atau program yang memerlukan pemakaian baju korporat Universiti. Pemakaian kemeja korporat berlengan panjang oleh pelajar lelaki turut dibenarkan.

LELAKI

REKA BENTUK KEMEJA KORPORAT UPM

1054 Color Code | Material Viscose Pluss

WANITA

REKA BENTUK KEMEJA KORPORAT UPM



DEPAN BELAKANG

1054 Color Code | Material Viscose Pluss

Bagi kemeja korporat wanita bertudung, terdapat pilihan untuk meletakkan Lambang Korporat UPM dan nama di bahagian hadapan atau lengan baju.